

Saman PM: Othman tidak takut dipecat

BH 20 MAY 2002

KUALA LUMPUR, Ahad – Seorang daripada dua ahli Umno yang memfailkan saman terhadap Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Setiausaha Agung, Tan Sri Khalil Yaakob, tetap dengan keputusannya walaupun menyedari risiko dipecat daripada parti.

Othman Ibrahim yang menjadi ahli Umno sejak 15 tahun lalu percaya tindakan nekad melalui mahkamah itu adalah bagi mewujudkan keadilan dalam parti di samping demi masa depan Umno.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai kenyataan Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam bahawa ahli parti yang memfailkan saman boleh dipecat.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Perlembagaan Umno menetapkan bahawa ahli tidak boleh membawa sebarang kes membabitkan parti ke mahkamah.

Othman yang juga bekas Bendahari cawangan Pelabuhan Klang dan Zulkifre Abu, bekas anggota jawatankuasa cawangan Selat Selatan, memfailkan saman terhadap Dr Mahathir dan Khalil di Mahkamah Tinggi, Shah Alam pada Jumaat lalu.

Tindakan itu berikutan kegagalan memperoleh pengisytiharan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Klang bagi 2001/02 sebagai tidak sah dan terbatal.

Berita Harian difahamkan, rasa tidak puas hati wujud apabila mesyuarat perwakilan Bahagian Klang menerima sebahagian perwakilan dari 11 cawangan dan dibenar bertanding walaupun pendaftaran dibatalkan oleh Pendaftaran Pertubuhan (ROS).

Tindakan ROS membatalkan pendaftaran 11 daripada 55 cawangan Bahagian Klang itu bukan saja kerana gagal menghantar senarai nama ahli jawatankuasa, malah tidak menyerahkan minit mesyuarat

serta penyata kewangan.

Sebelas cawangan itu ialah Kampung Raja Uda, Pelabuhan Selatan, Jalan Taman Kem, Teluk Gadong, Teluk Pulai, Bandar Klang, Kampung Nelayan, Kampung Teluk Gong Tengah, Perumahan Perusahaan Pandamaran, Seri Pelabuhan dan Kampung Masjid Pelabuhan Klang.

Sumber berkata, pemilihan mesyuarat bahagian itu menyaksikan salah seorang daripada 11 ketua cawangan tidak sah terpilih memenangi jawatan Ketua Bahagian.

Berikutan itu, pihak yang tidak berpuas hati membuat aduan kepada Badan Perhubungan Umno Negeri meminta mesyuarat pemilihan diisytihar tidak sah kerana tidak mengikut perlembagaan parti.

"Bagaimanapun, aduan itu tidak diendahkan. Selepas itu, mereka membuat aduan ke Majlis Tertinggi tetapi tidak mendapat layanan.

"Sehingga akhirnya pihak yang tidak berpuas hati membuat rayuan ke Lembaga Disiplin dengan kedua-dua pihak terbabit dipanggil untuk memberi keterangan. "Walaupun, keputusan Lembaga Disiplin mendapati individu terbabit bersalah namun mesyuarat dianggap sah dan individu berkenaan terus dibenarkan memegang jawatan Ketua Bahagian," kata sumber itu lagi.

Othman berkata, beliau sudah berbincang dengan peguamnya mengenai tindakan seterusnya dan dimaklumkan mengenai risiko yang perlu dihadapi jika perkara itu dibawa ke mahkamah.

"Walaupun terpaksa berdepan dengan pelbagai kemungkinan, saya rasa keadilan memerlukan saya membelakangkan perlembagaan parti," katanya.

Katanya, sebarang keputusan mengenai tindakannya itu akan dimaklumkan melalui peguamnya, Teng Chang Kim yang juga ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bandar Klang.